



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 JUN 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- Mixed reviews of MPAJ's parking app 03

KOSMO

- Ramadhan Sana Sini 07

Utusan Malaysia

- Shah Alam bakal guna bas elektrik 30



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 05 JUN 2017 (ISNIN)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Mixed reviews of MPAJ's parking app
Muka Surat	03



Banners informing motorists of the recently launched MPAJ Parking app have been placed at various spots in the Ampang municipality.



Some motorists still opt to use parking coupons although the council's app allows them to pay for parking digitally.
— Photos: M. AZHAR ARIF/The Star

Mixed reviews of MPAJ's parking app

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

A MONTH since the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) launched its "MPAJ Parking" mobile application, residents and visitors are still getting used to the system.

A survey at commercial centres in Ampang Point, Taman Melawati and Pekan Ampang showed that most were unaware of the new payment system.

Although several banners were put up, motorists said it was not prominent enough.

The cashless payment system, which was launched in April, allowed motorists to pay for public parking bays via smartphones, complementing the current coupon system.

Motorists still pay the parking rate of 50sen per hour but the minimum transaction is RM10. Users can also register up to six vehicles.

Pandan Perdana resident Mohd Haziq Ibrahim, 35, said the app had been useful as he travels to different parts of the municipality.

"I conduct multiple meetings every day. Previously, it was a hassle to pay for parking as I had to have lots of coins on hand and even then, most of the machines were always out of order.

"It was slightly better when the coupon system was introduced but it took time to scratch out the tickets.

"This method has been very convenient as I do not have to rush out to top up my parking ticket if I am late.

"The app will prompt me and I can easily top-up the value," he said.

Taman Permatas resident S. Shangari, 27, said the app might be more popular among younger motorists.

more convenient. "Either way, it is always good to have options," she said. However, there were some teething problems with the app, based on comments and reviews on the Google Play Store.

Some said they were unable to top-up the fee, while others were unsure how to use the app.

MPAJ press relations officer Norhayati Ahmad said the council was continuously upgrading the app based on feedback.

"The council has partnered with a private company to develop the app.

"While there have been some hiccups, it is being rectified," she said.

The app is expected to be available on the Apple App Store sometime in June.

According to Norhayati, about 1,591 users have registered on the app and the figure continues to increase by about 50 to 70 users per day.

She added that enforcement officers under the newly formed Car Parking Unit were checking on parked vehicles.

"The officers are equipped with smartphones to check if the vehicle owner has paid the parking fee and if the amount is sufficient. Otherwise, a compound notice will be issued," she said.

There are currently 325 vendors licensed to sell coupons within MPAJ's jurisdiction.

To-date, there are 13,300 unpaid parking compound notices and those wanting to pay can take advantage of the council's parking compound discount programme.

The council is offering a reduction of RM10 for compounds dated less than 14 days and RM30 for compounds dated before that from now until Aug 31.

MPAJ is the fourth council in



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 05 JUN 2017 (ISNIN)	
Akhar	KOSMO
Tajuk Berita	Ramadhan Sana Sini
Muka Surat	07

NEGARA 7

KOSMO | ISNIN 5 JUN 2017

PAHANG

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) menunaikan solat tarawih bersama warga Tertera Kem Batu 10 di Masjid Al-Ikhwan, Kuantan malam kelmarin.

TERENGGANU

PRESIDEN Pertubuhan Karyawan Kreatif Terengganu Darul Iman, Rozainah Zakaria bersama ahli pertubuhan itu menyerahkan barangan-barang keperluan makanan kepada Rumah Batu Sakinah di Jalan Ibrahlin, Bukit Besar, Kuala Terengganu semalam.

SELANGOR

PENIAGA tahu bakar, Jusri Sahari, 43, (kiri) membina replika kepala kereta unik bagi menarik pelanggan singgah ke gerainya di pasar Ramadan Taman Tasik Tambahan, Ampang, kelmarin.

PERAK

MARTABAK Haji Midin di Bazar Ramadan Changkat Jering sentiasa mendapat sambutan setiap kali tibanya bulan Ramadan.

PULAU PINANG

NAIB Canselor Universiti Sains Malaysia, Datuk Prof. Dr. Asma Ismail memberi bungkusan makanan kepada penarik beca pada program Salam Sahur di George Town semalam.

KUALA LUMPUR

WARGA kota mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk berbuka puasa bersama anggota keluarga secara beramal-ramai di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur semalam.

Ramadhan Sana Sini

JOHOR

DATARAN Bandar Raya Johor Bahru kelmarin meriah apabila warga Johor mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk berbuka puasa beramal-ramai.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 05 JUN 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Shah Alam bakal guna bas elektrik
Muka Surat	30

REAKSI

BAS ELEKTRIK MESRA ALAM

PENGUNAAN bas elektrik diharap dapat menjayakan hasrat MBSA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk bandar raya Shah Alam dalam mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif. Pihak kami akan meneruskan kempen untuk menggalakkan orang ramai menggunakan bas elektrik yang lebih bersih dan menjimatkan kos pengangkutan.

SHAHIRIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA

BAS elektrik ini amat selesa dinaiki dan yang paling penting ia mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti kamera litar tertutup (CCTV) yang baik untuk penumpang wanita menghindari dari sebarang perbuatan jelicik penumpang tidak bermoral.

SITI AMIRAH ABU BAKAR
Wartawan

SEBAGAI pengguna kenderaan awam, saya merasakan bas elektrik adalah kaedah terbaik selain kita dapat mengekalkan alam sekitar dari terus tercemar akibat pelepasan gas karbon. Tahniati kepada pihak MBSA.

ERWAN MAJID
Pekerja Swasta

AHMAD ZAHARIN MOHD. SAAD (kanan) bersama tetamu khas menunjukkan isyarat bagus ketika berada dalam bas elektrik yang luas dan selesa dalam sesi turun padang melihat operasi bas elektrik di bandar raya Shah Alam, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

PARA penumpang berasa selesa dengan keadaan di dalam bas yang menggunakan tenaga elektrik sepenuhnya.

AHMAD ZAHARIN MOHD. SAAD (kanan) bersama tetamu khas berpuas hati dengan operasi bas elektrik di bandar raya Shah Alam, baru-baru ini.

PENUMPANG beratur untuk merasai sendiri pengalaman menaiki bas yang menggunakan kuasa elektrik.

● Jadi pengangkutan awam utama ● Bandar raya rendah karbon

Shah Alam bakal guna bas elektrik

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
kota@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 4 JUN**

DALAM usaha menjadikan bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) beritizam untuk menjadikan bas elektrik sebagai kenderaan awam utama di bandar raya ini.

Menurut Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad, sasaran tersebut mampu dicapai jika bajet dan prasarana yang mencukupi dapat diwujudkan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Sebanyak dua unit bas elektrik telah disediakan oleh pihak MBSA untuk kegunaan orang



4M 5/6/17 M3 30

Bas elektrik yang mampu memuatkan kapasiti penumpang seramai 67 orang ini adalah bebas halangan serta mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) selain dilengkapi peralatan keselamatan serta pelbagai kemudahan lain seperti panel LED dan juga Wifi percuma."

AHMAD ZAHARIN MOHD. SAAD
Datuk Bandar Shah Alam

awam. Penyediaan bas elektrik ini akan menggunakan laluan bermula di Hentian Akhir Bandar (HAB) Seksyen 19 dan melalui kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti

Seksyen 2, Seksyen 3, dan Seksyen 7.

"Bas elektrik yang mampu memuatkan kapasiti penumpang seramai 67 orang ini adalah bebas halangan serta mesra

orang kurang upaya (OKU) selain dilengkapi peralatan keselamatan serta pelbagai kemudahan lain seperti panel LED dan juga Wifi percuma," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan turun padang dengan menaiki bas elektrik mengililingi pusat bandar Shah Alam bersama pihak media baru-baru ini.

Ahmad Zaharin berkata, beliau berharap kemudahan Wifi digunakan dengan sebaiknya oleh pengguna dan tidak disalahgunakan demi kepentingan peribadi kerana ia adalah kemudahan untuk semua.

Katanya lagi, bas elektrik tersebut beroperasi pada setiap hari iaitu Isnin hingga Ahad dari jam 6:00 pagi sehingga 10:00 malam

dengan kekerapan setiap 15 minit.

"Perkhidmatan bas elektrik ini adalah selaras dengan usaha pihak MBSA untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma yang mesra alam sekali gus merealisasikan matlamat Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2030.

"Bagi tahun 2017, pihak MBSA menyasarkan pengurangan pelepasan gas karbon sebanyak 3 peratus berdasarkan penanda aras pada tahun 2015 iaitu sebanyak 31,914.54 tan karbon," katanya.

Katanya lagi, penyediaan bas elektrik itu juga bertujuan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan secara percuma sekali gus membantu menggalak-

kan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti pelajar sekolah, pelajar institut pengajian tinggi (IPT), pekerja industri, suri rumah dan warga emas.

Selain dapat meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan, perkhidmatan ini juga dapat membantu mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian yang boleh menyebabkan kesesakan lalulintas dan pencemaran alam sekitar.

Pihak MBSA juga telah melancarkan Pengegas Elektrik Kenderaan yang dipasang di tempat letak kereta Bangunan Wisma MBSA, pejabat cawangan MBSA di Kota Kemuning, Setia Alam dan beberapa kawasan lain di sekitar pusat bandar Shah Alam.